

# 'Ulama' yang gila kuasa menggugat perpaduan

BH. 21 APR. 1983

Oleh

**DATUK SERI DR MAHATHIR.**

Sedutan ucapannya ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Hulu Kelantan di Kuala Kerai, hari Sabtu lalu.

**U**MNO ini ditubuhkan pada mulanya kerana kita terdedah kepada satu penindasan daripada pihak penjajah yang merancang untuk menjadikan negara kita Malaysia ini tanah takluk mereka sebagai sebuah Malayan Union.

Dan semua ini ialah hasil daripada perpaduan orang-orang Melayu melalui Umno. Malangnya, ada orang-orang yang tidak puas hati. Ada orang-orang yang merasa iri hati kenapa si polan dan si polan itu dapat kuasa, dapat tempat yang lebih baik daripada mereka.

Mereka merasa iri hati dan dalam keadaan perasaan ini-

tahun mereka dapat memperdayakan rakyat dengan bermacam-macam cerita bohong yang tidak sama sekali berasaskan kepada agama Islam tetapi bertentangan sama sekali dengan agama Islam.

Kita tahu bahawa Islam menyeru kepada perpaduan dan memang Umno menyeru kepada perpaduan. Ummolah parti yang sebenar-benarnya Islam kerana kita menyeru kepada perpaduan. Tetapi malangnya mereka ini menyeru kepada perpecahan, sehingga ada di antara mereka yang berpendapat bahawa adalah lebih baik kita berpecah daripada kita mengikut apa yang kononnya tidak kena kepada agama Islam, yang kononnya dianjurkan oleh parti Umno ini.

Mereka membawa kaedah

kap tentang sekular.

Semua pemimpin mereka ialah "ulama." Dan siapa ulama itu? Ulama inilah orang yang mendakwa dirinya sebagai ulama. Mereka mendakwa dirinya ulama walaupun jadi penulis dalam suratkhobar, loyar dan sebagainya.

Semuanya mendakwa diri ulama kerana pada pendapat mereka dengan ini mereka sudah berhak menjadi pemimpin orang-orang Islam. Ini kata mereka.

Kita tidak nafikan bahawa ulama mempunyai peranan yang penting dalam masyarakat Islam. Kita tidak nafikan, tetapi siapakah ulama yang boleh kita iktiraf? Ulama yang boleh kita iktiraf ialah mereka yang betul-betul berpengetahuan tinggi dalam bidang agama, yang sudah meningkat umur, yang sudahpun menunjukkan kepada rakyat bahawa mereka mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang sungguh tinggi, dan secara beransur-ansur rakyat dan masyarakat mengiktiraf me-

Ini ialah rancangan British. Tetapi kita bernasib baik kerana ketika itu telah timbul satu kesedaran di kalangan orang-orang Melayu bahawa kalau mereka tidak mengambil sesuatu tindakan maka harus dan mungkin hilang kuasa mereka buat selama-lamanya.

Memandang bahawa mereka adalah satu kumpulan yang kecil dan lemah dalam serba serbi, maka mereka membuat keputusan supaya diadakan satu pertubuhan yang akan menyatupadukan mereka. Sebab itulah Pkembang ataupun Umno ditubuhkan, bermakna kita telah menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu.

Ini telah menjadikan orang yang lemah tadi lebih kuat, dan oleh kerana perpaduan ini amat nyata sekali kepada penjajah, maka hendak tak hendak mereka terpaksa mengambil kira pandangan kita. Akhirnya mereka terpaksa menggugurkan Malayan Union dan menggantikannya dengan apa yang dikenal sebagai *The Federation of Malaya*.

Ini adalah kejayaan Umno yang pertama dan kejayaan perpaduan ataupun persatuan di kalangan orang-orang Melayu. Selepas itu kita dapat bahawa Umno telah mencapai bermacam-macam jenis kejayaan dan di antaranya ialah mencapai kemerdekaan bagi negara kita.

lah maka mereka telah menubuhkan sebuah parti lagi untuk menarik sebahagian sokongan daripada orang-orang Melayu.

Dan dengan tertubuhnya parti yang satu lagi inilah bermulanya perpecahan di kalangan orang-orang Melayu, khususnya kawasan di negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Sebelum itu tidak ada perasaan perpecahan di antara kita, tidak ada salah faham sama sekali di antara kita.

Tetapi kerana ada beberapa kerat manusia yang ingin untuk mendapat kuasa bagi diri mereka, mereka tidak segan-segan menggunakan agama Islam sebagai daya penarik supaya mereka dapat tempat di dalam negara kita ini.

Inilah tujuan mereka, tetapi oleh kerana tujuan itu tidak baik, mereka tidak dapat banyak kejayaan. Kalau mereka dapat kejayaan, ini adalah kerana kelemahan kita sebagai orang-orang Melayu dan ahli-ahli Umno, kerana di kalangan Umno juga terdapat mereka yang menimbulkan perpecahan dan melemahkan Umno.

### Kelemahan

Akhirnya maka tertewaslah Umno di Kelantan dan Terengganu. Kita bernasib baik kerana di Terengganu kita dapat merobut balik kawasan ini dalam jangka masa yang pendek. Tetapi di Kelantan ini 18

ini dengan harapan bahawa akan tertutuplah mata ahli-ahli Umno. Malangnya ada di kalangan rakyat yang telah tertipu dengan dakyah mereka itu.

Oleh kerana itu mereka telah mendapat kejayaan sedikit. Tetapi kejayaan yang sebegitu tidak boleh berkekalan. Dan akhirnya mereka juga tewas dan menyerah kembali kuasa kepada Umno.

### Golongan

Tetapi mereka ini tidak serik dan mereka terus juga dengan cara-cara mereka. Dan hari ini sekali lagi timbul satu golongan di antara mereka juga yang lebih lagi berasa iri hati kepada yang sudah berkuasa di dalam parti mereka sendiri.

Orang-orang ini kononnya menganggap diri mereka sebagai ulama dan mereka pula berpendapat cuma mereka sahaja yang boleh membuat keputusan di dalam parti mereka sendiri.

Oleh kerana itu pemimpin mereka yang telah mereka agungkan selama ini mereka anggap sebagai pemimpin yang bukan sahaja salah tetapi bukan Islam. Orang itulah yang mereka taja dan mereka julang dahulu di merata-rata tempat sebagai pemimpin Islam. Tetapi, pada hari ini, mereka mendakwa bahawa mereka itu bukan Islam tetapi adalah pemimpin sekular. Apa dia sekular tak tahulah! Barangkali sebab semua berca-

reka ini sebagai ulama. Mereka tidak mendakwa diri sebagai ulama. Tak pernah ada seorang yang sanggup berkata, "Saya adalah ulama" kerana lulus "Inner Temple atau Outer Temple" di England dan dapat jadi loyar. Ataupun dapat duit kerana menulis rencana dalam suratkhbar...

Bagi kita ulama ialah orang yang berpengetahuan tinggi dalam bidang agama dan telah menunjukkan bermacam-macam bukti bahawa mereka memang orang yang tertakluk kepada agama Islam dan menghormati ajaran-ajaran Islam.

Sebaliknya, mereka ini, yang mendakwa diri sebagai ulama, tidak sedikit pun takut kepada Tuhan, tidak sedikit pun patuh kepada agama Islam. Sebab itu mereka menyeru kepada perpecahan. Orang-orang Islam di dalam negara kita ini sudahpun menjadi satu golongan yang kecil dan lemah, ini pula nak dipecahkan. Sehingga mereka sanggup menyeru tidak boleh tanam di satu kubur, tidak boleh sembahyang bersama-sama.

Semua ini adalah "ulama" yang lulus daripada England dan Australia. Dan mereka menjelajah ke sana sini, kononnya mereka adalah ulama dan semuanya perlu dirujuk kepada mereka.

Saya telah dengar ucapan seorang daripada ulama ini yang dirakamkan dalam pita yang dijual dengan harga \$3 satu. Ianya berkata dalam

ucapan itu, tidak ada sesuatu pun yang boleh dibuat di dalam masyarakat Islam melainkan dirujuk kepada ulama, bermakna dialah.

Saya pun berasa hairan, sebab orang ini kadang-kadang pun naik kapal terbang juga dari Kuala Terengganu pergi ke Kuala Lumpur. Jadi kebetulan, bila saya naik bersama dengan dia, saya bayangkan pemandu kapal terbang sekejap-kejap turun daripada kerusinya dan bertanya kepada ulama itu, sekarang nak belok kirikah atau kanan? Sebab dia kata semuanya mesti dirujuk kepada dia. Kalau tak rujuk salah. Pemandu itu Islam, jadi dia kena rujuklah.

Ini yang menimbulkan banyak masalah di kalangan kita. Di antara masalah yang besar ialah perpecahan di kalangan kita, perpecahan di kalangan orang-orang Islam yang di dalam negara kita ini kebanyakannya ialah orang-orang Melayu. Kita tahu di dalam negara ini bahkan di seluruh dunia orang-orang Islam lemah. Kita lemah kerana beberapa sebab, di antaranya kerana tidak ada perpaduan.